



# Pujian dan Kritikan Terhadap Imam Al-Ghazali

ABDUL SALAM HJ. YUSSOF

## ABSTRACT

*Born in eastern Iran, Abu Hamid al-Ghazali was known as Islam's most gifted scholar. He taught law in Baghdad, but in 1095 resigned and for 12 years wandered the desert as a Sufi mystic. Al-Ghazali is considered the most influential Islamic philosopher of the medieval period, known for reviving mysticism and critiquing rationalism within orthodox Islam. In 1106 he returned to teaching, the most renowned Islamic theologian of his time. His most famous books are Tuhafat al-Falasifa (The Incoherence of the Philosophers) and Ihya al-'Ulum al-Islamia (The Revival of the Religious Sciences). Al-Ghazālī has contributed a lot in the area studied and is the most distinguished thinkers in the development of knowledge in his era. Until today, his work is still being referred to in facing the challenges of contemporary era. The ideas in the area studied never stop expanding day by day.*

## PENGENALAN

Nama penuh Abū Hamīd Muḥamad bin Muḥamad bin Muḥamad bin Ahmād al-Ghazālī al-Tūsi al-Shāfi'e. Nama asalnya Muḥamad sahaja. Beliau dikenali sebagai Abū Hamīd kerana mempunyai anak lelaki bernama Hamīd yang meninggal ketika masih bayi.<sup>2</sup> Bahkan beliau juga lebih dikenali sebagai al-Ghazālī. Dua pendapat ahli sejarah tentang penggunaan perkataan al-Ghazālī yang di nisbahkan kepadanya<sup>3</sup>: Pertama, merujuk kepada nama daerah tempat lahirnya iaitu Gazalah. Oleh itu sebutannya al-Ghazālī (satu 'z'). Kedua, merujuk kepada pekerjaan harian bapa beliau sebagai seorang penenun dan penjual kain tenun. Pekerjaan ini dinamakan "Gazzal" dan sebutannya al-Ghazzālī (dengan dua 'z') sebagai satu sebutan penduduk Khurasan kepadanya.<sup>4</sup> Walau bagaimanapun pemakaian perkataan al-Ghazālī (dieja dengan satu "z") bersempena nama kampung beliau dilahirkan lebih meluas diguna pakai. Beliau dilahirkan pada tahun 450 Hijrah / 1058 Masihi, di sebuah kampung bernama 'Ghazālāh' yang terletak di pinggir kota kecil bernama "Tus" berhampiran bandar Meshad di wilayah Khurasan.<sup>5</sup> Beliau yang dikenal sebagai al-Ghazālī itu merupakan tokoh yang muncul tepat tiga ratus tahun sesudah Imam Syafie lahir iaitu tahun 150 Hijrah / 730 Masihi.

## KEJAYAAN SERTA KRITIKAN TERHADAP AL-GHAZĀLĪ

Pengaruh pemikiran al-Ghazālī dalam dunia Islam amat mendalam dan luas sekali. Hasil karyanya dibaca dan dikaji di Timur dan di Barat serta daripada kalangan bangsa Arab atau bukan Arab. Bahkan pengkaji-pengkaji bukan Islam turut meneliti hasil karyanya<sup>6</sup> dan diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa. Di Nusantara, pengaruh al-Ghazālī menjadi panduan kepada penterjemah terawal iaitu al-Sheikh Abdul Samad Palembang untuk mengarang *Hidāyah al-Sālikīn*. ‘Ulamā’ ini juga telah menterjemah *Ihyā’ ‘Ulūm al-Dīn* dalam karyanya *Siyār al-Sālikīn*. Usaha itu telah disempurnakan oleh Prof. Tk. H. Ismail Yakub dengan menterjemahkan keseluruhan kitab ini ke dalam Bahasa Indonesia. Banyak lagi karya al-Ghazālī diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu seperti *Minhāj al-Abidīn*, *al-Munqid min al-Dhalāl*, *Bidāyah al-Hidāyah*, *Ayūhal Walād*, *Tahāfut al-Falāsifah* dan lain-lain.

Antara pujian oleh para peminat atau pencinta jasa al-Ghazālī seperti kenyataan al-Yafī’i: “Kalau wujud nabi selepas Nabi Muhammad pasti orang itu ialah al-Ghazālī.” Imam Nawawi pula pernah berkata: “Hampir-hampir Kitab *Ihyā* mengambil tempat al-Qur’an.” Kata al-Subky: “Tidak tahu ada orang selepas al-Ghazālī yang sama sepertinya terutama dari segi kadar memiliki ilmu. Pasti tidak ada orang yang akan datang sepertinya.”<sup>8</sup>

Al-Ghazālī telah berjaya membetulkan kesilapan ahli-ahli falsafah dan ahli kalam. Beliau menjelaskan kepada orang Islam bahawa kepercayaan terhadap agama mereka bukanlah bergantung kepada hipotesis-hipotesis yang tidak rasional tetapi mesti bersandarkan kepada dasar-dasar yang teguh dan nyata.<sup>9</sup> Beliau telah memberikan pentafsiran yang rasional tentang kepercayaan asas Islam, sehingga kesahihannya atas dasar rasionalisme tidak dapat dipersoalkan lagi sepanjang zaman. Di samping itu beliau menerangkan hikmat setiap suruhan syariat serta memberikan kepada umat konsepsi yang jelas mengenai Islam, sehingga segala keraguan mereka dapat dihilangkan.<sup>10</sup> Al-Ghazālī telah meneliti semua kumpulan agama pada zaman itu serta perbezaan antara mereka. Beliau menjelaskan had-had antara Islam dan kufur dan had-had kebebasan pentafsiran. Usaha-usaha ini telah membantu mereka untuk mengurangkan pertelingkahan antara kumpulan yang bertentangan dan meluaskan pandangan rakyat awam.

Al-Ghazālī menghidupkan semula fahaman Islam dan meninggalkan taklid membuta tuli, menentang kejumudan serta menarik perhatian masyarakat kepada punca petunjuk yang betul iaitu kitab Allah dan sunnah Rasulullah s.a.w. Beliau telah menghidupkan semangat ijtihad dan mengkritik semua kumpulan kerana kelemahan dan unsur-unsur kufur mereka. Beliau mengkritik sistem pendidikan yang sedang merosot dan mencadangkan sebuah sistem yang baru untuk menukarkannya. Kurikulum yang wujud pada masa itu

mempunyai kelemahan. Antaranya, ia memisahkan sains keduniaan daripada sains Islam, akhirnya menyebabkan pemisahan urusan dunia daripada amalan agama. Beberapa perkara yang tiada tempat dalam syariat dimasukkan ke dalam kurikulum, seolah-olah ia adalah sebahagian daripada syariat. Al-Ghazālī menjelaskan kelemahan-kelemahan tersebut dan menyediakan satu sistem yang menyeluruh meskipun ditentang oleh mereka yang sezaman dengannya, tetapi akhirnya diterima oleh semua negara Islam. Kebanyakan sistem yang dilaksanakan pelbagai negara Islam sebenarnya adalah menurut garis panduan yang ditunjukkan oleh al-Ghazālī, sehinggakan kurikulum yang wujud di institusi-institusi negara Arab masa kini terhutang budi kepada al-Ghazālī.<sup>11</sup>

Beliau telah membuat penilaian kritikal terhadap keadaan moral dan agama masyarakat Islam waktu itu dan mencadangkan langkah-langkah untuk membuat pembaharuan. Ini telah membangkitkan semangat keislaman semula dalam masyarakat. Karyanya yang utama, *Ihyā' Ulūm al-Dīn* telah mengkritik keadaan moral kesemua masyarakat dan menjelaskan setiap hal itu berkaitan sebab-sebab sosial seterusnya memberikan kriteria moral Islam yang sebenarnya.<sup>12</sup> Al-Ghazālī telah mengkritik secara bebas kerajaan yang wujud dan mempengaruhi masyarakat agar tidak tunduk kepada penindasan tetapi berani untuk menahan dan mengkritik penindasan.<sup>13</sup> Usaha-usaha untuk mengislahkan dan menghidupkan semula Islam tidak terhad kepada pembaharuan masyarakat Islam semata-mata. Syibli Nu'oman telah menjelaskan usaha-usaha al-Ghazālī untuk mendirikan sebuah negara Islam yang sebenarnya di Sepanyol. Beliau berpandangan bahawa sekiranya sebuah negara yang baru ditubuhkan tidak menurut prinsip-prinsip Islam, masyarakat Islam tidak akan dapat diislahkan.

Walau bagaimanapun beliau tidak dapat memberi masa untuk tugas yang besar ini kerana sibuk dengan meditasi dan *muraqabah*, *tazkiyah al-nafs* dan pembaikan akhlak. Namun selepas *Ihyā' Ulūm al-Dīn* dibawa ke Sepanyol pada tahun 501H/1081M raja pada masa itu Ali Bin Yusuf Tashfin telah memerintah agar ianya dibakar. Al-Ghazālī sedih apabila mengetahui mengenai peristiwa itu. Sejurus selepas itu, seorang pemuda bernama Muhammad bin Abdullah bin Tumart telah tiba dari Sepanyol untuk belajar di bawah bimbingan al-Ghazālī. Semasa belajar di bawah al-Ghazālī, dia telah menetapkan pendiriannya untuk menggulingkan Ali bin Yusuf untuk mendirikan sebuah negara Islam di Sepanyol. Meskipun al-Ghazālī bersetuju dengannya, beliau bertanya kepada Muhammad mengenai cara-cara serta pertolongan yang diharapkan untuk membantu beliau dalam tugas tersebut. Muhammad berjumpa dengan al-Ghazālī dan meminta nasihatnya mengenai hal itu. Beliau mengizinkan cadangannya memandangkan Islam telah menjadi lemah di seluruh dunia sedangkan tiada seorang raja yang dapat menyatukan seluruh ummah untuk menegakkan risalah Islam. Walau bagaimanapun al-Ghazālī telah bertanya kepada

Muhamad mengenai cara-cara beliau mengatur pemberontakan itu dan membawa kepada kemenangan.

Negara yang didirikan oleh Muhamad bin Abdullah bin Tumart dikenali sebagai *al-Muwahidīn*, kekal untuk jangka masa yang lama. Walau bagaimanapun selepas mendapat kuasa, Muhamad sendiri tidak menaiki takhta tetapi melantik seorang pemuda yang berwibawa bernama Abdul Mo'min. Abdul Mu'omin dan pewaris-pewarisnya memerintah seluruh empayar Moroko menurut kehendak Muhamad bin Tumart dan al-Ghazālī. Semasa pemerintahan mereka para 'ulamā' dipandang tinggi dan semua urusan negara diputuskan dengan merujuk kepada mereka. Keadilan diberikan kepada yang lemah dan miskin, pegawai-pegawai yang zalim diberi hukuman berat, penjahat diadili sewajarnya, masjid-masjid dibina di istana-istana, pertahanan negara diperkuat dan penaklukan-penaklukan baru dibuat. Hasil-hasil karyanya yang terulung merupakan asas kepada sebuah gerakan intelektual yang kuat dan sumber inspirasi kepada generasi selanjutnya. Sesungguhnya Abū Hamid al-Ghazālī memberi kesan yang amat mendalam kepada sejarah Islam, sehingga kesannya kepada pemikiran Islam selanjutnya telah diakui oleh pencinta-pencinta dan para pengkritik beliau sendiri. Karya-karyanya masih dipandang tinggi dengan penuh hormat serta dikaji oleh mereka yang mahu pembersihan diri dan perhubungan suci dengan Allah S.W.T.

### Kritikan Terhadap al-Ghazālī

Ibnū Taymīyah berpendapat bahawa *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn* karangan al-Ghazālī secara amnya adalah sebuah kitab yang ditulis dengan baik dan menggunakan gaya yang menarik. Pada masa yang sama, Ibnū Taymīyah memberi kritikan kerana empat sebab:<sup>14</sup> Pertama, pemikiran al-Ghazālī jelas menunjukkan peninggalan falsafah Yunani. Dalam menjelaskan ketauhidan Allah, kenabian dan hari akhirat, beliau memperkenalkan banyak konsep yang dipegang oleh ahli-ahli falsafah pada masa itu. Dalam *Muwāfaqāt*, beliau menyatakan komentar Abū Bakar bin al-'Arabī iaitu sahabat dan pelajarnya bahawa al-Ghazālī telah mendalami ilmu falsafah dan mahu menolak pemikiran itu tetapi sukar. Oleh sebab itu, Ibnū Taymīyah menentang falsafah. Beliau mendapati setengah penulisan al-Ghazālī tidak dapat diterima daripada sudut keagamaan. Kedua, dalam penulisan *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn* al-Ghazālī menggunakan analisis logik yang dibuat berdasarkan premis umum dan khusus dengan tujuan mendapatkan kesimpulan kerana ini tidak bertepatan dengan semangat al-Qur'an dan Sunnah. Ketiga, kitab *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn* mempunyai banyak konsep dan ajaran ahli-ahli *turūq suffīyah* dan pertanyaan-pertanyaan mereka mengenai pendapat

*kasyāf* ke dalam kebenaran ilahi. Keempat, Kitab *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn* mengandung banyak hadis yang diragui kesahihannya.

Para 'ulamā' mempunyai pandangan berbeza mengenai *Ihyā'*. Ibnū al-Jawzi mengkritik al-Ghazālī kerana menggunakan hadis-hadis yang tidak sahih dan lemah. Beliau berpendapat hal ini terjadi kerana al-Ghazālī bukan seorang ahli hadis. Tajuddin Subki dalam *Tabaqāt Syāf'iyah*<sup>15</sup> telah mengutip semua hadis yang disebut oleh al-Ghazālī di dalam *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn* yang tidak boleh didapati dari mana-mana sumber. Disusuli Hafiz Zainuddin al-Iraqī telah mengelaskan hadis-hadis dalam *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn* menurut norma yang diterima dan diperiksa sama ada sahih atau tidak sahih bagi tiap-tiap hadis. Ibnū Jawzī juga telah menunjukkan kesilapan-kesilapan mengenai beberapa peristiwa sejarah yang disebut oleh al-Ghazālī dalam *Ihyā'*.<sup>16</sup> Ibnū Jawzi mengatakan bahawa al-Ghazālī telah menyebut beberapa contoh ahli sufi atau cara-cara mereka untuk muraqabah dan pembersihan jiwa (*tazkiyah al-nafs*) yang tidak dibolehkan dalam syariat, apatah lagi untuk diikuti oleh orang awam. Walau bagaimanapun Ibn Jawzi mengakui keberkesanan *Ihyā'* dan sumbangannya amat berharga kepada pemikiran Islam selepas itu. Beliau juga telah meringkaskan *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn* di dalam kitab *Minhāaj al-Qāsididīn* dan meninggal bahagian-bahagian yang boleh diperbahaskan.<sup>17</sup>

Di kalangan ahli-ahli falsafah, pengkritik al-Ghazālī yang termasyhur ialah Ibnū Rusyd. Beliau telah menolak perbincangan-perbincangan al-Ghazālī terhadap ahli-ahli falsafah. Contoh kritikan dalam penulisannya ialah *Tahāfut al-Tahāfut* bagi menjawab tulisan al-Ghazālī dalam kitab *Tahāfut al-Falāsifah*. Ibnū Rusyd mempertahankan ahli-ahli falsafah dengan hujah yang keras sebagaimana serangan al-Ghazālī terhadap mereka. Ibnū Rusyd berhujah dengan penuh kefahaman dan kehandalan tetapi dalam analisis terakhir ternyata hujah-hujah al-Ghazālī lebih berkesan daripada penentangannya. Sanggahan Ibnū Rusyd menyatakan bahawa al-Ghazālī menentang ahli falsafah semata-mata untuk mendapat penghargaan daripada golongan tradisional tidak dapat dibuktikan. Beliau juga menuduh al-Ghazālī tidak tetap dalam pemikirannya. Contoh, beliau menyebut bahawa dalam kitab *Misykātul al-Anwār*, al-Ghazālī memberi sokongan kepada teori emanasi yang sudah dikritik dalam *Tahāfut*. Menurut beliau lagi, ajaran-ajaran al-Ghazālī mendatangkan bahaya kepada agama dan falsafah. Ibnū Rusyd menyatakan mengenai pemikiran al-Ghazālī: "Satu hari kamu berbangsa Yaman apabila bertemu dengan orang Yaman. Tetapi apabila kamu bertemu seseorang dari Ma'ad, kamu mendakwa kamu dari 'Adnan!"<sup>18</sup>

Tuduhan tidak konsisten terhadap al-Ghazālī juga dibuat oleh ahli falsafah Islam lain seperti Ibnū Tufail menyebut dalam karyanya bahawa al-Ghazālī: "terikat di satu tempat tetapi bebas di tempat lain. Ia menafikan beberapa perkara tetapi kemudian mengisytiharkannya benar." Sungguhpun beliau

menunjukkan beberapa kontradiksi dalam karya al-Ghazālī tetapi keseluruhannya Ibnū Tufail mengagumi ajaran al-Ghazālī yang dapat dikesan dalam karya falsafahnya yang dikagumi iaitu Hayy Ibnī Yaqzān.<sup>19</sup>

Seorang pengkritik al-Ghazālī zaman mutakhir ini iaitu Dr. M. Zaki Mubarak dalam kajian Ph.D. beliau bertajuk *al-Akhlāq ‘inda al-Ghazālī* menyatakan bahawa ajaran-ajaran al-Ghazālī bersifat kesufian dan menyendiri sehingga ia boleh melemahkan semangat manusia dalam melakukan tugas di atas muka bumi ini. Dr. M. Zaki Mubarak berpendapat bahawa Ghazālī hanya mementingkan perkaitan rohani perseorangan dengan tujuan untuk mencapai kebahagiaan pada akhirat sahaja dengan melupakan soal-soal hidup duniawi.<sup>20</sup>

Berkaitan kritikan Dr. Zaki Mubarak terhadap al-Ghazālī Prof. Dr. H. Abu Bakar Acheh berpendapat: “Adalah satu kesalahan yang dibuat oleh pengarang-pengarang Islam generasi baru seperti Dr. Zaki Mubarak, yang membandingkan ajaran al-Ghazālī dengan ajaran kemasyarakatan baru. Mungkin orang akan memperoleh hasil yang sama antara ajaran-ajaran al-Ghazālī dan ajaran ahli-ahli pendidikan masyarakat dan ilmu jiwa dunia sekarang ini. Tetapi jalan yang ditempuh oleh al-Ghazālī sebagai seorang sufi, yang zahid tidak ada tolok banding. Tidak sahaja perbezaan zaman tersebut terlalu besar, tetapi juga memang berlainan cara penempuhan kedua-dua jalan itu.”<sup>21</sup> Ternyata bahawa pelbagai kritik terhadap al-Ghazālī dengan sendirinya membuktikan betapa luasnya pengaruh beliau. Jumlah pengikut al-Ghazālī dan orang yang menghormati serta menerima ajaran dan menyebarkannya mengatasi bilangan para pengkritik beliau. Beberapa tokoh amat cenderung dan menghormati al-Ghazālī seperti Syah Waliyullah al-Dahlawi<sup>22</sup>, Uthman Fodio, Hasan al-Banna dan Syed Muhamad Naquib al-Attas. Kebanyakan tokoh-tokoh ini terdiri daripada pemikir dan ahli Sufi. Dalam karya *Ihyā’ ‘Ulūm al-Dīn* al-Ghazālī berusaha untuk menimbulkan kedua-dua aspek kegamaan ini. Karya ini merupakan karya yang meluas dibaca oleh pelbagai golongan umat Islam.

#### NOTA Hujung

- <sup>1</sup> Beliau juga dikenali sebagai al-Imam as-salafi, al-Shafi’e dan al-Naisyaburi. Lihat Osman Bakar, 1997. *Hierarki Ilmu: Membangun Rangka Fikir Islamisasi Ilmu*. Bandung: Penerbit Mizan, terjemahan oleh Purwanto, hlm. 196. Lihat Rauf Shalabi, 1973. *Alun-alun Istana Imam al-Ghazali*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, terjemahan oleh Awang Mohd. Amin, hlm. 15
- <sup>2</sup> Ada pendapat menyatakan bahawa panggilan seperti “bapa Hamid” sebagai satu gelaran sahaja kerana beliau tidak memiliki anak lelaki. Lihat Murtadā al-Zubaidī, *Ithāf al-Sādah al-Mutaqīn bi-Sharh Asrār Ihyā’ ‘Ulum al-Dīn*, Beirut: Dar Ihyā’ Al-Turath al-Arabiyy, Jilid 1, hlm. 18. Lihat juga

- Mustafa Abu Sway, 1996. *Al-Ghazzaliy: A Study In Islamic Epistemology*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, hlm16.
- <sup>3</sup> Ibid. Murtadā al-Zubaidī, *Ithāf al-Sādah al-Mutaqīn bi-Sharh Asrār Ihyā 'Ulum Al-Dīn*, Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabiyy, Jilid 1, hlm.18. Seseengah sarjana Barat menggunakan perkataan Algazel (Misalnya Bertrand Russel, *History of Western Philosopy*, London , 1946, hlm.477) atau Abuhamet untuk merujuk kepada nama al-Ghazālī atau ubahsuainya yang lain seperti al-Gazal, Algazali, Gazali dan sebagainya. Lihat nota kaki M.M. Shariff 1994. *Sejarah Islam Dari Segi Falsafah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, terjemahan oleh Khidmat Terjemahan Nusantara, hlm. 582.
- <sup>4</sup> Lihat al-Ghazālī, Mohamad bin Mohamad, 1993. *Al-Munqidh min al-Dhalāl wal Mufsih bil Ahwāl*. Disemak semula oleh Sameh Daghim, Beirut: Dārul Fikr Al-Lubnāni, hlm. 15.
- <sup>5</sup> Lihat al-Ghazālī, Mohamad bin Mohamad, 1993, op.cit., hlm. 15
- <sup>6</sup> Di kalangan para orientalis, al-Ghazālī adalah paling terkemuka dalam penulisan W.M. Gairdner, Margaret Smith, Donaldson, Farsi, Lazaruth-Yafeh, Macdonald dan lain-lain.
- <sup>7</sup> Lihat Azlan Khalili Shamsudin, 1991. *Al-Ghazali dan Konsep Al-Nor*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 25.
- <sup>8</sup> Ahmad al-Syarbasi, *Al-Ghazālī wa Tasawuf al-Islāmy*. Darul Hilal, hlm. 124.
- <sup>9</sup> Maududi. *A Short History of the Revivalist Movement In Islam*, hlm. 58.
- <sup>10</sup> Ibid.
- <sup>11</sup> Ibid, hlm.59.
- <sup>12</sup> Ibid, hlm.59-60.
- <sup>13</sup> Ibid, hlm.60.
- <sup>14</sup> Ibid, hlm.60.
- <sup>15</sup> Ibid. hlm. 163.
- <sup>16</sup> Lihat juga dalam Ahmad al-Syarbasi, *Al-Ghazālī wa Tasawuf al-Islāmī.*, op.cit., hlm. 128.
- <sup>17</sup> Adalah kurang adil untuk menyatakan al-Ghazālī lemah dalam ilmu hadis hanya dengan merujuk kepada kitab *Ihyā 'Ulūm al-Dīn* sahaja dengan tidak menilai kitab-kitab beliau dalam cabang ilmu lain seperti fiqh dan usul yang lebih menyentuh aspek hukum dan asas pembinaan hukum. Ini disebabkan sebahagian perbincangan dalam *Ihyā 'Ulūm al-Dīn* adalah menyentuh aspek fādilat-fādilat amal dan ramai dari kalangan 'ulamā' Islam menggunakan hadis-hadis seperti itu dalam perbincangan mereka mengenai aspek yang sama. Mengikut al-Hafidz al-Irāqī bahawa banyak dari hadis al-Ghazālī dalam *Ihyā 'Ulūm al-Dīn* tidaklah sampai ke taraf hadis maudhuk. Pengiktirafan al-Ghazālī tentang kekurangan beliau dalam hadis adalah sifat

tawaduk beliau sebagai ahli tasawuf dan mengikut Ibnū Asakir bahawa kajian beliau dalam hadis di akhir hayatnya adalah mengenai manhaj al-Bukharī dan Muslim dalam pengumpulan hadis. Lihat Ahmad Zaki Haji Ibrahim, *Al-Imam al-Ghazālī: Pengaruh Dan penglibatannya dengan Orang Lain*, dalam Seminar al-Imam al-Ghazālī Dan Sumbangannya, pada 23-25 September 1988, hlm. 105.

<sup>18</sup> Nadwi, op.cit., hlm 164.

<sup>19</sup> M.M.Sharif, 1994. *Sejarah Islam Dari Segi Falsafah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, terjemahan oleh Khidmat Terjemah Nusantara, hlm. 639.

<sup>20</sup> Ibid. hlm. 639-640.

<sup>21</sup> Aboebakar Acheh, 1976. *Sejarah Filsafat Islam*, Kelantan, hlm. 175. Lihat juga Zaki Mubarak, 1924, op.cit, hlm. 420.

<sup>22</sup> Ibid, hlm. 175.

<sup>23</sup> Ibid, hlm. 177.

<sup>24</sup> Shah Waliyullah, *Hujjatul al-Bālighah*, Jilid 1, hlm. 6.